



# KERTAS DASAR DAN HALA TUJU PENDIDIKAN ISLAM

بِحَايَةِ نَبِيِّكُمْ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

TERBITAN  
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM  
JABATAN AGAMA ISLAM, SELANGOR  
1434H/2013M

# Sekapur Sireh

## Pengarah

### Jabatan Agama Islam Selangor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT yang maha pemurah lagi maha penyayang, selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat serta didoakan kesejahteraan dan kasih sayang buat seluruh umat Islam.


Setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Pendidikan Islam kerana telah dapat menghasilkan 'Kertas Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam ' Jabatan Agama Islam Selangor.

Agama Islam sememangnya menuntut kita merancang dan merangka strategi dalam setiap tindakan supaya natijah yang dihasilkan benar-benar memberi manfaat kepada kumpulan sasaran khususnya dan masyarakat amnya. Sehubungan dengan itu, usaha menghasilkan kertas Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor ini amat dihargai kerana ianya pasti menyumbang kepada usaha menjana pendidikan Islam di negeri Selangor ini khususnya.

Kertas Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam ini akan menjadi panduan penting kepada semua pendokong pendidikan Islam di negeri Selangor dalam usaha menjana generasi al-quran dan melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan pendidikan yang lebih baik untuk masa-masa akan datang mengikut arus perdana dan zaman. Pastinya usaha memasyarakatkan pendidikan Islam akan lebih mudah dihayati oleh semua pihak dengan adanya kertas Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam ini.

Semoga impian dan cita-cita untuk melihat sistem pendidikan Islam terus cemerlang, dipertingkatkan kualitinya dan menghasilkan insan khalifah Allah di muka bumi ini mendapat keredhaan Allah SWT. Marilah kita semua sederap sehayun bersama dalam merealisasikan usaha mengangkat Pendidikan Islam di Selangor khususnya dan Malaysia amnya ke arah Pendidikan Islam terbaik, bertaraf dunia dan diredhai Allah SWT.

PENDIDIKAN ISLAM TERBAIK, BERTARAF DUNIA DAN DIREDHAI ALLAH SWT



**S.S DATO' HAJI MARZUKI BIN HUSSIN** D.S.I.S,S.M.S,A.M.N,P.J.K.

Pengarah

Jabatan Agama Islam Selangor

# **Kata Alu-aluan**

## **Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan Islam)**

### **Jabatan Agama Islam Selangor**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Saya amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas keizinan-Nya, pihak Bahagian Pendidikan Islam telah dapat menyediakan kertas Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor. Justeru kertas ini akan menjadi panduan kepada pelaksanaan penyampaian perkhidmatan pendidikan Islam ke arah menjana generasi al-Quran melalui sistem Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor. Ianya menjadi dasar yang akan digunapakai oleh Bahagian Pendidikan Islam dalam melaksanakan segala aktiviti pendidikan dari peringkat Prasekolah hingga ke peringkat menengah.

Sesungguhnya memberi pendidikan Islam kepada semua individu muslim di negeri Selangor supaya berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia dan bertrampilan berasaskan nilai Islam, bagi melahirkan muslim bertaqwa untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T memerlukan kerjasama daripada semua pihak yang mendokong pendidikan Islam samada di pihak kerajaan, swasta dan ibubapa.

Menjadi cita-cita Bahagian Pendidikan Islam JAIS untuk melahirkan murid-murid Islam yang memahami Islam secara syumul, menjadi hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini memerlukan semua pihak mempunyai kesatuan pemikiran, perasaan dan tindakan.

Oleh yang demikian, Dasar dan Hala Tuju Pendidikan Islam ini dapat didokong bersama khasnya bagi mereka yang merupakan barisan hadapan dalam jihad pendidikan, sentiasa menaruh keyakinan bahawa cita –cita murni kita akan mendapat keredhaan dari Allah S.W.T.

Menjana Generasi Al Quran Melalui Sistem Pendidikan Islam JAIS



**HJ. MOHAMAD AMIR BIN HJ DANURI** A.M.N.,P.P.T.

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Pendidikan Islam  
Jabatan Agama Islam Selangor

# KERTAS DASAR DAN HALA TUJU PENDIDIKAN ISLAM JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

## 1. Pendahuluan

Sistem Pendidikan Islam di Selangor telah bermula sebelum merdeka melalui penubuhan sebuah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam pada 1hb Oktober 1945. Ia adalah hasil keprihatinan Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah terhadap usaha mempertahankan kepercayaan, nilai dan budaya bagi masyarakat Melayu yang ketika itu berdepan dengan ancaman penjajahan Jepun dan penularan fahaman komunis. Bermula daripada sistem pendidikan pondok yang ditubuh secara persendirian hingga disusun menjadi satu sistem pendidikan agama yang seragam dan selaras di peringkat negeri. Perkembangan pendidikan Islam di Selangor telah melalui fasa-fasa perubahan yang amat penting sehingga ia menjadi pilihan utama masyarakat Islam di negeri Selangor.<sup>1</sup>

## 2. Falsafah Pendidikan :

Falsafah Pendidikan Nasional menyatakan bahawa:

*“Pendidikan Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis*

---

<sup>1</sup> Sejarah perkembangan pendidikan Islam di negeri Selangor berkembang amat dinamik dengan usaha yang dimainkan oleh pihak istana melalui penubuhan Majlis Agama Islam Selangor. Almarhum Sultan Hisamudin Alam Shah telah melantik Tengku Ibrahim Shah sebagai setiausaha pelajaran agama Islam Selangor pada 1947 dan beliau telah memainkan peranan mengurus sistem pendidikan agama pada masa itu dengan menyelaras semua sekolah-sekolah pondok untuk diurusstadbir di peringkat negeri. Pelaksanaan sistem pendidikan ketika itu hanya memberikan tumpuan kepada mata pelajaran agama Islam sahaja. Pada tahun 1977, kurikulum agama telah diintegrasikan dengan kurikulum kebangsaan. Pada ketika ini diwujudkan Unit Pelajaran di Jabatan Agama Islam Selangor yang berpejabat di Klang. Melalui integrasi kurikulum ini telah melonjakkan sistem pendidikan Islam di Selangor ke satu tahap yang lebih tinggi. Tidak hanya ilmu wahyu ditawarkan kepada anak-anak umat Islam tetapi juga ilmu muktasabi (akli). Ini bertepatan dengan konsep pendidikan Islam Syumul. Bermula tahun 2007, kurikulum tahfiz dibangunkan bagi melengkapkan pengertian ini. Pada hari ini, pendidikan Islam di Selangor telah diurusstadbir oleh satu bahagian di JAIS yang dinamakan Bahagian Pendidikan Islam. Sehingga kini seramai 6 orang Ketua Penolong Pengarah telah dilantik bagi mengurus dan mentadbir bahagian ini sehingga ia berada pada tahap yang amat dibanggakan.

*dari segi intelek rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.*<sup>2</sup>

Berasaskan falsafah ini maka falsafah Pendidikan Islam JAIS pula menyatakan dengan jelas bahawa pendidikan Islam ialah:

*”Pendidikan Islam JAIS adalah satu usaha berterusan ke arah membina potensi individu berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia dan berketrampilan secara seimbang dan sedadu berlandaskan Wahyu Allah dan Sunnah Rasulullah bagi melahirkan masyarakat muslim yang bertaqwa, maju, mampu bersaing untuk mendapat kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat”*<sup>3</sup>

### 3. Visi

Bahagian Pendidikan Islam JAIS menetapkan visi pendidikannya seperti berikut:

---

2 Bahagian Pendidikan Islam JAIS sentiasa meletakkan sistem pendidikannya di dalam arus perdana pendidikan negara. Walaupun tidak semua pakej pembelajaran kurikulum kebangsaan dilaksanakan di bahagian ini namun secara umumnya amalan pembelajaran yang dilaksanakan adalah berteraskan konsep integrasi ilmu. Bahagian ini meletakkan kepercayaan bahawa meletakkan sistem pendidikan JAIS di dalam arus perdana pendidikan negara akan memberikan kekuatan kepada amalan pengajaran dan pembelajaran serta kemantapan pembangunan modal insan masa depan. Dengan kekuatan ilmu-ilmu Islam sebagai teras yang diadun dengan ilmu-ilmu aqli sebagai pengukuh pasti akan melahirkan satu generasi murid yang lengkap dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Melalui pelaksanaan kurikulum kebangsaan di Sekolah Agama Menengah dan Sekolah Rendah Agama Integrasi (2000) serta pendaftaran 23 buah Sekolah Agama Menengah dengan Kementerian Pelajaran Malaysia pada 28 Disember 2004 melalui skim Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) adalah sebagai bukti bahagian ini sentiasa berada di dalam arus perdana pendidikan. Pada waktu yang sama kurikulum Pendidikan Islam JAIS sentiasa dinilai dari semasa ke semasa agar bersama dengan arus perdana pendidikan Islam di Kementerian Pelajaran Malaysia.

3 Satu usaha berterusan adalah bukti komitmen bahagian ini dalam memastikan nilai istiqamah dan konsisten dalam perkhidmatannya. Memahami erti pendidikan Islam itu yang ruang lingkup perkhidmatannya bermula dari buaian sehingga ke liang lahad maka cabaran ini diambil dengan penuh tanggungjawab. Bahagian ini percaya bahawa setiap anak yang dilahirkan mempunyai potensi (fitrah) untuk menjadi muslim yang baik. Melalui sentuhan tarbiyyah para guru kebaikan diri mereka akan disempurnakan. Pembangunan diri yang sempurna pada jasad dan roh akan sentiasa menjadi keutamaan perkhidmatan. Dengan sebab itu bahagian ini akan menekankan

“Terbaik, bertaraf dunia dan diredhai Allah SWT”<sup>4</sup> sepanjang masa.

#### 4. Misi

Bahagian Pendidikan Islam JAIS telah menetapkan misi seperti berikut:

”Mengurus Hal Ehwal Pendidikan Islam dengan ikhlas, amanah, hikmah, ukhuwwah dan berkesan”<sup>5</sup>

pendekatan yang berbeza dari amalan pendidikan konvensional. Fokus kepada pembangunan insan kamil lebih diutamakan daripada pembangunan juz’i. ‘Outcomes based learning’ akan lebih diutamakan dari ‘examination based learning’. Dengan sebab itu berterusan, seimbang, sepadu dan menyeluruh akan menjadikan pendekatan utama perkhidmatan. Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik akan digunakan bagi menjayakan cita-cita ini. Integrasi yang dirancang secara melintang dan menegak melalui pelaksanaan matapelajaran yang pelbagai akan menjadi penanda aras sistem ini. Kurikulum yang dilaksanakan akan merangkumi kurikulum teras, ko kurikulum, extra kurikulum, kurikulum kebangsaan dan kurikulum antarabangsa. Kesemua kurikulum ini akan diintegrasikan dan akan dikawal secara holistik berdasarkan al Quran dan as Sunnah. Harapannya agar muslim bertaqwa akan dapat dilahirkan melalui sistem ini. Dengan itu akan lahir hamba Allah dan khalifah Allah yang akan menyumbang perkhidmatan terbaik di negeri dan negara ini. Dengan sebab itu erti kemenjadian murid bagi BPI JAIS amat merentas sifatnya bermula dari mengisi keperluan hidup di dunia dan jaminan kebahagiaan kehidupan di akhirat berpaksikan kepada tuntutan al Quran dan as Sunnah.

4 Tiga elemen sebagai teras perkhidmatan di bahagian ini ialah sumber manusia, kurikulum dan media atau prasarana. Ke tiga-tiga elemen ini perlu mencapai status terbaik dan perkhidmatannya. Sumber manusia seperti guru hendaklah di kalangan yang terpilih dan memenuhi ciri-ciri seorang guru berkualiti. Guru berkualiti adalah guru yang memiliki sifat muallim, mudarris, murabbi, mursyid, muaddib dan muballigh. Ia perlu mencapai definisi guru yang berilmu, jujur, amanah, bertanggungjawab, berakhlak mulia, berketrampilan, mampu menjadi sumber inspirasi murid dan sentiasa beramal dengan ilmunya. Bicara guru dari hati akan menjadi teras perkhidmatan. Kurikulum terbaik akan disediakan bagi melahirkan murid terbaik. Dengan sebab itu 5 jenis kurikulum akan disediakan dalam perkhidmatan ini kurikulum teras, ko kurikulum, extra kurikulum, kurikulum kebangsaan dan kurikulum antarabangsa. Semua persediaan seperti pengajaran dan pembelajaran, latihan, khidmat nasihat, bimbingan dan kaunseling akan menjadi fokus dalam pendidikan ini. Bahagian ini memahami bahawa murid yang akan keluar dari sistem ini akan mengharungi kehidupan lebih mencabar pada zamannya nanti. Dengan sebab itu mereka perlu dipersiapkan dengan seluruh kekuatan kehidupan. Prasarana yang baik dan kemudahan media pengajaran yang berteknologi tinggi akan menyempurnakan lagi pelaksanaan pembelajaran yang berkesan. Walaupun ia bukan punca segala-galanya namun tanpanya pembelajaran tidak kondusif. Namun begitu akhirnya redha Allah adalah nilai utama yang ingin dicari dalam perkhidmatan ini.

5 Nilai Ikhlas, amanah, hikmah, ukhuwwah dan berkesan akan menjadi teras dalam menjayakan perkhidmatan pendidikan Islam di negeri Selangor. Lima nilai ini amat penting dimiliki oleh setiap individu di kalangan pegawai dan kakitangan pendidikan. Perancangan dan pelaksanaan kerja secara strategik dan objektif tidak akan melalaikan nilai keberkatan dan ketentuan Allah SWT. Dengan sebab itu lima nilai ini akan menjadi keutamaan dalam segala perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan ini. Kejayaan barisan murabbi awal Islam melahirkan barisan tokoh-tokoh Islam adalah hasil amalan kepada 5 nilai ini.

## 5. Matlamat Pendidikan Islam JAIS

Bahagian Pendidikan Islam JAIS menetapkan matlamat yang jelas dalam pelaksanaan pendidikannya iaitu:

*“Memberi pendidikan Islam kepada semua individu muslim di negeri Selangor supaya berilmu , beriman, beramal, berakhlak mulia dan berketrampilan berasaskan nilai nilai Islam, bagi melahirkan muslim bertaqwa<sup>6</sup> untuk mendapat keredhaan Allah SWT”<sup>7</sup>*



Rajah : Model Pengurusan Kehidupan

6 Muslim bertaqwa yang dimaksudkan di sini ialah yang memiliki 10 ciri utama iaitu Akidah yang bersih, Fikiran yang cerdas, Ibadah yang betul, Berjuang melawan hawa nafsu, Akhlak yang mulia, Pandai menjaga waktu, Jasmani yang kuat, Teratur dalam urusan, Memiliki kemampuan dan Bermanfaat kepada orang lain. Ia menjadi indikator kepada erti kemenjadian murid di bahagian ini. Pencapaiannya menuntut kepada usaha berterusan semua pihak terutama guru-guru JAIS. Mereka perlu memahami, mengamalkan dan menghayati ciri-ciri ini dalam kehidupan mereka. Murid-murid akan terus menjadikan guru-guru mereka sebagai model dan idola kehidupan mereka. Tanpa qudwa guru maka harapan kemenjadian murid hanya akan menjadi impian.


7 Iman bagi fahaman bahagian ini dalam pendidikan ialah membersihkan fikiran, menjernihkan jiwa dan mensucikan hati untuk meyakini wujud Allah, tidak mempersekutukanNya dan mengabdikan diri kepadaNya secara mutlak. Taqwa pula ialah iman yang telah dimantapkan melalui amalan-amalan tertentu. Muslim bertaqwa ialah muslim yang beriman kepada Allah dan rasulNya serta sentiasa bersedia untuk patuh kepada perintah dan menjauhi larangan. Seorang muslim bertaqwa ialah muslim yang telah melalui fasa-fasa tarbiah secara bermanhaj dan bertadarruj. Disamping itu ia telah melalui ujian-ujian yang praktikal dalam kehidupan. Bahagian ini percaya bahawa usaha ini tidak mungkin berjaya sekiranya hanya mengharapkan penilaian di dalam kognitif semata-mata. Ia perlu digabungkan dengan penilaian amalan dari aspek efektif dan psikomotor. Madrasah rasulullah yang berpaksikan iman dan taqwa serta model rasulullah mentarbiah para sahabat sehingga melahirkan rijal yang mampu mengurus diri dan kehidupan dengan sistem rabbani akan sentiasa menjadi rujukan amalan pembelajaran di bahagian ini.

## 6. Moto

“Cekap Dan Berkualiti”<sup>8</sup>

## 7. Sumber Pendidikan Islam

Pendidikan Islam JAIS bersumberkan al-Quran, Hadis, Ijmak , Qias dan ilmu-ilmu muktasabi(ilmu aqli).<sup>9</sup>



Rajah : Psikologi Manusia


8 Bahagian ini berazam melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab dengan kadar yang segera dan sempurna sebelum atau pada tempoh yang ditetapkan. Penghasilan kerja akan dipastikan memenuhi standard yang ditetapkan. Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja akan menjadi panduan bagi memastikan kejelasan tugas dan tanggungjawab guru. Bahagian ini akan menjadikan Standard Kualiti Pendidikan JAIS (SKPJ) sebagai sumber inspirasi perkhidmatan. Perancangan kerja berasaskan Sasaran Kerja Tahunan akan menjadi amalan. Penilaian Prestasi Tahunan akan menjadi penilai kecekapan dan tahap kualiti guru-guru dalam perkhidmatan. Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 akan terus dilaksanakan bagi pencapaian perkhidmatan berkesan. Sumber modal insan akan terus dipertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka agar terus memiliki ciri-ciri penjawat awam yang cekap dan berkualiti.

9 Pendidikan Islam di JAIS berasaskan kepada prinsip dan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Empat sumber hukum ini adalah sumber-sumber hukum yang disepakati oleh ulama Islam di dalam fahaman ini. Bahagian Pendidikan Islam JAIS akan melaksanakan dasar dan amalan pendidikan berasaskan rujukan kepada empat sumber hukum ini. Ia akan dirujuk di dalam menilai dan menyelia pelaksanaan dasar dan operasi pendidikan. Semua mata pelajaran yang dibangunkan dan diintergrasikan dalam sistem pendidikan JAIS akan dikawal bagi memastikan tiada unsur-unsur yang boleh merosakkan akidah dan amalan Islam. Pelaksanaan sistem pendidikan Islam



## 8. Objektif Bahagian Pendidikan Islam

- 8.1 Memantapkan sistem pengurusan dan perkhidmatan pendidikan Islam di negeri Selangor
- 8.2 Memperkasa kurikulum pendidikan islam mengikut sistem pendidikan integrasi holistik untuk melahirkan modal insan bertaqwa



- 8.3 Memantau secara sistematik pelaksanaan pengurusan dan perkhidmatan pendidikan Islam di negeri selangor

## 9. Strategi Umum Pencapaian Objektif

- 9.1 Memantapkan sistem pengurusan dan perkhidmatan pendidikan Islam di negeri Selangor

syumul di bahagian ini membawa erti pelaksanaan sistem pendidikan Islam yang berasaskan kepada sumber-sumber hukum ini. Tulisan Tokoh-tokoh ulama Islam yang pakar dalam pendidikan seperti Al Ghazali, Ibnu Khaldun, Syeikh Muhamad Naseh Ulwan, Dr Yusuf Al Qardhawi, Prof Dr Omar Al Syaibani, Pror Dr Syed Naquib Al Attas, Prof Dr Hasan Langgulung dan seumpamanya akan sentiasa menjadi rujukan. Manakala tulisan tokoh-tokoh pendidik barat akan dihargai dan dimanfaatkan sekiranya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam.

9.1.1 melaksanakan Standard Kualiti Pendidikan JAIS (SKPJ)

9.1.2 melaksanakan Standard Kualiti MS ISO 9001 : 2008

9.1.3 meningkatkan kompetensi sumber manusia

- a) Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran
- b) Bimbingan (coaching)
- c) Latihan (training)
- d) Nasihat (advisory)
- e) Rundingcara (consultancy)

9.1.4 Menyediakan prasarana

- a) Menubuhkan Pra Sekolah di setiap daerah
- b) Menubuhkan SRA/KAFAI untuk setiap SK
- c) Menubuhkan SRAI di setiap daerah
- d) Menubuh maahad tahfiz sains dan teknologi
- e) Mengekalkan 23 buah SAM/SAMT (SABK) Negeri Selangor
- f) Menubuhkan kelas khas OKU di satu daerah sahaja
- g) Menubuhkan maahad dakwah dan 'thurath'
- h) Menubuhkan pusat latihan guru JAIS
- i) Menubuhkan pusat bahasa JAIS

9.1.5 Merakyatkan pengurusan pendidikan Islam di negeri Selangor

9.1.6 Menubuhkan Yayasan Pendidikan Islam (YAPIS)


9.2 Memperkasa kurikulum pendidikan islam mengikut sistem pendidikan integrasi holistik untuk melahirkan modal insan bertaqwa

9.2.1 Mewujudkan jaringan kerjasama

9.2.2 Menyediakan kurikulum 'thurath'

9.2.3 Melaksana kurikulum berkonsepkan integrasi holistik yang mempunyai 5 komponen;

- a) Kurikulum Teras (Quran, Sunnah, Ijmak, Qias)
- b) Ko kurikulum (Berenang, memanah, berkuda dan uniform)
- c) Extra Kurikulum (program khidmat sosial)
- d) Kurikulum Kebangsaan (KBSM, KBSR)
- e) Kurikulum Antarabangsa (SPM, STPM, STAM, O-Level)



Rajah : Model Kurikulum

9.2.4 Mewujudkan kelas Al-Quran dan Fardhu Ain peringkat menengah

9.3 Memantau secara sistematik pelaksanaan pengurusan dan perkhidmatan pendidikan Islam di negeri selangor

9.3.1 Menyediakan buku panduan pemantauan

9.3.2 Melaksanakan pemantauan di;

- a) Sekolah-sekolah Islam Negeri
- b) Masjid-masjid (pengajian sepanjang hayat)
- c) Unit Pendidikan Islam Daerah

9.3.3 Melapor dan mengesyor tindakan susulan hasil pemantauan

9.3.4 Menilai dan membuat penambahbaikan

## 10. Strategi Khusus Pencapaian Objektif

- 10.1 Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PNP) al-Quran, Jawi dan Fardhu A'in secara berkesan sebelum tamat darjah enam di SRA, SRAI dan KAFAI. Negeri Selangor.
- 10.2 Melaksanakan Kurikulum Pendidikan Islam (Sukatan Al Azhar) secara berkesan sebelum tamat tingkatan 5 di Sekolah Agama Menengah dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor
- 10.3 Melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah secara berkesan sebelum tamat darjah 6 di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI).
- 10.4 Melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah secara berkesan sebelum tamat tingkatan 5 di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor.
- 10.5 Memastikan murid Maahad Tahfiz Integrasi Selangor menghafaz 30 juzuk al-Quran sebelum tamat tingkatan lima
- 10.6 Mengisytiharkan keputusan SMA dan PSRA dalam tempoh dua (2) bulan selepas tamat peperiksaan.
- 10.7 Semakan semula skrip jawapan SMA dan PSRA dalam tempoh 14 hari bekerja.
- 10.8 Memproses permohonan pertukaran murid SRAI.Negeri Selangor dan SAM/SAMT(SABK). Negeri Selangor dua (2) kali setahun (Jun dan Disember) dan dimaklumkan dalam tempoh 14 hari setelah mendapat keputusan.
- 10.9 Mengeluarkan surat tawaran ke tingkatan satu 30 hari selepas keputusan PSRA diumumkan.
- 10.10 Mengeluarkan surat sokongan permohonan visa pelajar kepada pemohon yang layak dalam tempoh satu (1)

hari selepas mengemukakan borang permohonan yang lengkap.

10.11 Mengeluarkan surat panggilan berkursus kepada guru-guru selewat-lewatnya 7 hari sebelum kursus dilaksanakan

10.12 Melaksanakan penaziran secara mesra dan professional di Sekolah-Sekolah Agama Negeri sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setahun

## 11. Kurikulum

‘Kurikulum Pendidikan Islam JAIS adalah suatu program pendidikan berlandaskan wahyu Allah dan sunnah rasulullah merangkumi kurikulum dan kegiatan kokurikulum untuk membantu perkembangan murid supaya berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia, berketrampilan dan mampu bersaing demi kesejahteraan ummah.’

Kurikulum adalah teras kepada perkhidmatan Pendidikan di JAIS. Ia mempengaruhi sistem pendidikan samada kepada sumber manusia dan prasarana. Kurikulum JAIS dilaksanakan berasaskan kepada perkara-perkara berikut: <sup>10</sup>

11.1 Melaksanakan Pendidikan *Al-Quran, Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah*.

11.2 Melaksanakan kurikulum-kurikulum berikut;

- a) Kurikulum Pra Sekolah
- b) Kurikulum Pendidikan Islam (Sukatan SRA)
- c) Kurikulum Pendidikan Islam (Sukatan Al Azhar)
- d) Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)

---

10 Kurikulum JAIS adalah berpaksikan kepada al Quran dan as Sunnah. Sumber-sumber ilmu Islam selain itu yang muktabar akan diterima sebagai kurikulum ini. Kurikulum JAIS berasaskan kepada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pada masa yang sama ilmu-ilmu muktasabi yang berasaskan kepada akal insan akan dimanfaatkan selagi tidak bertentangan dengan al Quran dan as Sunnah. Kejayaan jenerasi masa silam seperti Ibnu Sina, al Kindi, al Khawarizmi, Ibnu Khaldun dan seumpamanya adalah model-model cendekiawan insan muslim yang menjadi kebanggaan dalam sistem pendidikan ini. Dengan sebab itu bahagian ini meyakini dan percaya bahawa integrasi ilmu antara ilmu wahyu dan ilmu muktasabi berteraskan kawalan secara holistik daripada al Quran dan as Sunnah akan mampu mengembalikan kegemilangan tamadun dan peradaban Islam.

- e) Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)
- f) Kurikulum Tahfiz
- g) Kurikulum Turath

## 12. Jenis-jenis Sekolah

Jenis-jenis sekolah di JAIS adalah seperti berikut:

### 12.1 Sekolah Agama Negeri

#### i) Pra Sekolah JAIS

- a) Tempoh pembelajaran 2 hingga 3 tahun
- b) Memberikan pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain
- c) Memberikan asas Bahasa Arab
- d) Peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun

#### ii) Sekolah Rendah Agama

- a) Tahun 1 hingga tahun 6
- b) Tahun 6 diadakan peperiksaan PSRA
- c) Memberikan pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain
- d) Memberikan asas Bahasa Arab

#### iii) Sekolah Rendah Agama Integrasi

- a) Tahun 1 hingga tahun 6
- b) Tahun 6 diadakan peperiksaan PSRA dan UPSR
- c) Memberikan pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain
- d) Memberikan asas Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris
- e) Kemasukan tahun 1 berasaskan keputusan terbaik Ujian Kelayakan SRAI (UKS)

#### iv) Maahad Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi Selangor

- a) Tingkatan 1 hingga 5
- b) Kemasukan berasaskan MUMTAZ dalam PSRA , minima 4A 1B dalam UPSR serta melepasi gred ujian kelayakan Khas
- c) Memberikan pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain
- d) Pengajaran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris
- e) Hafazan al-Quran 30 juzuk dalam tempoh 5 tahun
- f) Bahasa Arab sebagai Bahasa Utama

- g) Aliran Sains Tulen tingkatan 4 dan 5
- h) Peperiksaan PMR di tingkatan 3, Sijil Tahfiz Al Quran di tingkatan 4, SMA di tingkatan 4, SPM di tingkatan 5

v) Sekolah Agama Menengah/Menengah Tinggi (SABK)

- a) Tingkatan 1 hingga 6 Atas
- b) Kemasukan ke tingkatan 1 berasaskan keputusan PSRA dan UPSR
- c) Peperiksaan PMR di tingkatan 3, SMA di tingkatan 4, SPM ditingkatkan 5, STAM di tingkatan 6 Bawah dan STPM di tingkatan 6 Atas.
- e) Memberikan pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain
- f) Pengajaran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris

## 12.2 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

i) Kelas al-Quran dan Fardhu Ain Integrasi (KAFAI)

- a) Tahun 1 hingga tahun 6
- b) Tahun 6 diadakan peperiksaan PSRA
- c) Tahun 5 diadakan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK)
- d) Memberikan pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain
- e) Memberikan asas Bahasa Arab

## 12.3 Sekolah Islam Swasta

i) Sekolah Menengah Islam

- a) Tingkatan 1 hingga 5
- b) Peperiksaan PMR di tingkatan 3, SMA di tingkatan 4, SPM ditingkatkan 5
- c) Memberikan pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain
- d) Pengajaran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris

ii) Sekolah Rendah Islam


- a) Tahun 1 hingga tahun 6
- b) Tahun 6 diadakan peperiksaan PSRA

- c) Memberikan pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain
- d) Memberikan asas Bahasa Arab

iii) Maahad Tahfiz Swasta

- a) Tingkatan 1 hingga 5
  - b) Memberikan pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain
  - c) Pengajaran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris
  - d) Hafazan al-Quran 30 juzuk dalam tempoh 5 tahun
  - e) Bahasa Arab sebagai Bahasa Utama
  - f) Peperiksaan PMR di tingkatan 3, Sijil Tahfiz di tingkatan 5, SMA di tingkatan 4, SPM di tingkatan 5
- d) Pra Sekolah Swasta
- a) Dua (2) hingga Tiga (3) tahun
  - b) Memberikan pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain
  - c) Memberikan asas Bahasa Arab
  - d) Peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun

**13. Struktur Organisasi**



Rajah : Carta Organisasi BPI.JAIS

**14. Piagam Pelanggan**

Bahagian Pendidikan Islam akan;<sup>11</sup>

14.1 Memberi layanan mesra, berbudi bahasa dan berhemah;

11 Bahagian Pendidikan Islam JAIS berazam dan bersedia untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pelanggannya.



- 14.2 memberi perkhidmatan yang efisien dan sentiasa bersedia membantu
- 14.3 Memberi jawapan bagi semua permohonan dengan kadar segera.
- 14.4 Menyediakan kemudahan yang sesuai dan selesa.

## 15. Penutup

Bahagian Pendidikan Islam JAIS bercita-cita untuk melahirkan murid-murid Islam yang memahami Islam secara syumul, melaksanakan amalan Islam dalam kehidupan, menghayati Islam sebagai ad Din, menjadi hamba dan khalifah Allah sebenarnya di muka bumi dan bangga<sup>12</sup> memberikan perkhidmatan kepada umat manusia agar dirasai Islam agama rahmat kepada alam. Bahagian ini percaya impian dan harapan ini akan menjadi kenyataan apabila semua pihak yang berkaitan memiliki kesatuan pemikiran, kesatuan perasaan dan kesatuan tindakan ke arah menuju kesatuan matlamat. Bahagian Pendidikan Islam JAIS bersedia untuk memacu cita-cita ini dan mendepani setiap cabaran dengan penuh hikmah. Semoga Allah SWT membantu kita semua dalam usaha murni ini.

---

12 Guru-guru di JAIS hendaklah memiliki sifat “Izzah” dalam melaksanakan perkhidmatan mereka samada di pejabat atau sekolah. Izzah yang dimaksudkan ialah merasa bangga dengan Islam sebagai agama dan bangga kerana berkhidmat dengan organisasi ini serta sentiasa bersedia untuk membuktikan kepada masyarakat perkhidmatan yang telah dan akan dilaksanakan. Mereka tidak sawajarnya kecil jiwa dan rendah diri berdepan dengan kehebatan jabatan dan agensi lain dalam menyampaikan perkhidmatan terutama apabila berdepan dengan perkhidmatan yang sama. Tanamlah rasa yakin diri dan percaya bahawa perkhidmatan pendidikan di JAIS adalah antara yang terbaik dan telah berjaya mencapai visi dan misinya selama ini.

Hakcipta terpelihara : BPI.JAIS 2010

DILARANG MENCETAK ATAU MENGUBAH KANDUNGAN DASAR HALA TUJU INI TANPA MEMAKLUMKAN SECARA BERTULIS KEPADA PIHAK SEKRETARIAT DASAR DAN HALA TUJU PENDIDIKAN ISLAM, BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM JAIS.